



SIARAN MEDIA

KPKT RAIKAN PERPADUAN GLOBAL, MUHIBAH DAN KERJASAMA ANTARABANGSA BERSAMA DUTA ASING SERTA PESURUHJAYA TINGGI SEMPERA PROGRAM PENCAHAYAAN HARI NATAL

PUTRAJAYA, 12 Disember 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, yang juga Presiden Perhimpunan UN-Habitat, berbesar hati mengalu-alukan kehadiran barisan Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi serta rakan diplomatik ke KPKT sempena Majlis Muhibah Musim Perayaan, sekali gus mencatat sejarah apabila buat julung kalinya KPKT menjadi tuan rumah kepada Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi di Malaysia.

Majlis ini mencerminkan komitmen berterusan KPKT dalam memupuk perpaduan, meraikan kepelbagaian serta memperkukuh kerjasama antarabangsa berlandaskan nilai kemanusiaan sejagat. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, KPKT terus komited membangunkan komuniti yang inklusif, berdaya tahan dan mampan, di samping menyumbang secara aktif kepada agenda global seperti pembangunan bandar mampan, perumahan mampu milik dan inisiatif sifar sisa.

"Semangat sebenar musim perayaan bukan sekadar tentang kegembiraan dan sambutan, tetapi tentang hubungan yang kita bina. Di sebalik kepelbagaian dan perbezaan kepercayaan, kita semua disatukan oleh naluri kemanusiaan yang sama," ujar beliau.

Beliau turut menyatakan bahawa peranan aktif Malaysia dalam usaha kelestarian global melalui UN-Habitat menuntut kerjasama erat dengan rakan antarabangsa. "Dalam kapasiti saya sebagai Presiden Perhimpunan UN-Habitat, saya berbesar hati untuk terus bekerjasama dalam memajukan Agenda Bandar Baharu dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Malaysia bersedia menyumbang secara aktif kepada penyelesaian cabaran bandar global, sambil turut belajar daripada pengalaman masing-masing," ujar beliau.

Majlis turut mengetengahkan pencapaian Malaysia di pentas dunia apabila negara baru-baru ini menerima Anugerah Khas Sifar Sisa Global (Global Zero Waste Special Citation Award) oleh Yayasan Sifar Sisa (Zero Waste Foundation) di bawah naungan Wanita Pertama Türkiye, Emine Erdoğan.

"Pengiktirafan ini mengukuhkan usaha Malaysia dalam pengurusan sisa dan kelestarian. Malaysia komited memperluaskan kerjasama melalui perkongsian kepakaran, pengetahuan dan pengalaman bersama rakan global," tambah beliau.

Seiring semangat ihsan serta prinsip keterangkuman Kerajaan MADANI, KPKT turut menyampaikan sumbangan perayaan kepada kanak-kanak di bawah Persatuan Ziarah Sahabat Kanser bagi menyemarakkan nilai ihsan dan manusiawi pada musim perayaan.

Dalam ucapannya, YB Menteri turut memetik kata-kata *Winston Churchill*: *"Let our celebration tonight be a testament to the spirit of giving for we make a living by what we get, but we make a life by what we give"*.

Majlis diakhiri dengan ucapan Selamat Tahun Baharu 2026 daripada YB Menteri kepada seluruh barisan Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi serta rakan diplomatik, dengan harapan agar terus menjalin kerjasama demi masa depan bandar yang lebih lestari, pintar dan berteraskan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T